

Dibentuk ikut acuan Malaysia, milik bersama semua rakyat — PM

Pelan integriti dilancar

Oleh MARHAINI KAMARUDDIN
dan ASUKI ABAS

UM-24/4/2004
m/s: 114

PUTRAJAYA 23 April — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meneruskan agenda kerajaan untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang bermaruah tinggi khususnya bebas rasuah dengan melancarkan Pelan Integriti Nasional (PIN), satu pelan induk bagi membangunkan sebuah masyarakat Malaysia yang beretika.

Serentak dengan itu, Perdana Menteri turut melancarkan penubuhan Institut Integriti Malaysia (IIM) yang akan bertindak sebagai jentera pemantau dan pelaksana PIN.

Beliau turut mengumumkan pelantikan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samudrin Osman sebagai pengerusi pertama lembaga pengarah institut bebas itu.

"PIN ialah sebuah pelan integriti yang lahir daripada aspirasi masyarakat dan negara Malaysia, dibentuk mengikut acuan Malaysia dan dimiliki bersama oleh rakyatnya yang berbilang kaum dan agama.

Kelemahan

"Gerakan pemantapan integriti yang dipacu oleh PIN dan dipantau oleh IIM ialah satu gagasan yang mendapat sokongan dan dukungan pelbagai lapisan masyarakat Malaysia dan insya-Allah akan menjadi satu sumber kekuatan bagi mengurus kejayaan dan mengatasi kelemahan serta kepinganan masyarakat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap melancarkan PIN dan IIM di Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC) di sini hari ini.

Hadir sama ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Perdana Menteri memberitahu objektif jangka panjang PIN ialah untuk memenuhi cabaran keempat Wawasan 2020 iaitu membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, dengan warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh ditunjungi oleh budi pekerti yang kukuh.

■ Lihat muka 4

Pelan integriti dilancar

Di samping itu, PIN mempunyai objektif meningkatkan kesedaran, komitmen dan kerjasama rakyat sejagat dari pelbagai sektor dalam usaha pemantapan integriti.

Pelancaran PIN adalah kesinambungan daripada beberapa inisiatif kerajaan di bawah pimpinan Abdullah untuk meningkatkan integriti dalam semua aspek melalui kod etika yang diperkenalkan bermula dengan pegawai-pegawai kerajaan, syarikat swasta, polis dan terbaru wakil rakyat.

Abdullah menyifatkan pelancaran PIN dan penubuhan IIM begitu bermakna kerana buat pertama kali aspek integriti diawasi rapi melalui pendekatan yang bersifat menyeluruh dan melibatkan penyertaan secara langsung semua golongan daripada peringkat teratas hingga ke peringkat akar umbi.

Menurutnya, sebanyak sembilan sektor atau komponen masyarakat telah dikenal pasti dalam PIN dan setiap sektor akan menentukan program dan aktiviti masing-masing yang dipadankan dengan agensi kerajaan atau badan sukarela yang sesuai untuk dilaksanakan.

Beliau berkata PIN menetapkan lima sasaran utama yang dikenali sebagai Tekad 2008 untuk dicapai bagi tempoh lima tahun pertama pelaksanaannya.

"Sasaran utama yang dikenal pasti ialah mengurangkan gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa secara berkesan, meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam dan mengatasi kerenah birokrasi.

"Di samping itu, PIN menetapkan sasaran meningkatkan tadbir urus korporat dan etika perniagaan, memantapkan institusi keluarga serta meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat," katanya.

Bagi memantapkan pelaksanaan PIN, Abdullah berkata, IIM akan menerajui kajian berkala mengenai persepsi umum terhadap rasuah setiap dua tahun sekali.

Menurut beliau, maklumat yang diperoleh daripada hasil kajian itu akan memberi gambaran kepada kerajaan tentang keberkesanan strategi-strategi yang dijalankan untuk meningkatkan integriti dan membantaras amalan rasuah seterusnya menyumbang kepada proses penambahbaikan yang berterusan.

"Daripada maklum balas positif terhadap pelbagai inisiatif kerajaan dalam beberapa bulan ini untuk meningkatkan integriti, saya percaya rakyat akan terus memberi sokongan padu.

"Saya ingin menekankan bahawa kejayaan PIN dan seterusnya langkah-langkah menerangkan nilai-nilai integriti dalam masyarakat, bukan hanya bergantung kepada usaha kerajaan sahaja bahkan sokongan aktif setiap individu dalam masyarakat," katanya.

Abdullah yakin PIN mampu menjadi pemangkin dalam peningkatan integriti melalui pelaksanaan strategi dan program-program yang diubah suai mengikut keperluan setempat dan peredaran masa.